



# جابتن كواغن دان قربندا هاراعن نغري

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj.Kami : PNM(KPS)125Jilid 2(19)  
Tarikh : 14 Mac 2017  
Bersamaan : 15 Jamadil Akhir 1438H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Semua Pejabat Pemungut (PP)  
(SEPERTI SENARAI EDARAN)

YB Datuk/Tuan/Puan,

### SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.05 TAHUN 2017 TERIMAAN YANG TIDAK DAPAT DIKENALPASTI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab bagi memungut segala terimaan yang patut dipungut, menyimpan pungutan dengan selamat, menyedia dan mengemukakan akaun dengan betul. Sehubungan dengan itu, kami ingin memaklumkan bahawa, terdapat transaksi di penyata bank yang Penyata Pemungut lewat/tidak disediakan oleh PTJ. Jabatan ini juga menghadapi masalah untuk mengenalpasti PTJ yang terlibat dengan transaksi terimaan tersebut kerana perihal yang tertera di penyata bank tidak lengkap. Kebanyakan transaksi terimaan ini melibatkan bayaran daripada agensi-agensi luar, badan berkanun dan orang awam yang membuat pembayaran kepada PTJ di bawah Bendahari Negeri Melaka terus ke Akaun Terimaan Bendahari.

3. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan transaksi terimaan lewat/tidak diperakaunkan dan mudah dikenalpasti, pihak PTJ adalah diminta untuk memaklumkan kepada agensi, badan berkanun dan orang awam yang membuat pembayaran kepada PTJ Y.Bhg Datuk/tuan/puan untuk;

- Memaklumkan PTJ Y.Bhg Datuk/tuan/puan dengan mengemukakan salinan bukti pembayaran (cth: slip bank atau resit bank) untuk membolehkan PTJ Y.Bhg Datuk/tuan/puan menyediakan Penyata Pemungut bagi memperakaunkan terimaan tersebut, dan
- Mengisi maklumat lengkap semasa membuat bayaran dengan memasukkan butiran perihal seperti di bawah;

**Contoh** : Bayaran secara online(e.g M2U)

*Recipient Ref.* : PDAG/RISDA

*Other payment details* : CukaiTanah

Butir urusan pada Penyata Bank :

**PDAG/RISDA/CUKAITANAH**

(PTJ penerima/Pembayar/Perihal Bayaran)

4. Kerjasama Y.Bhg Datuk/tuan/puan untuk memaklumkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan amat dihargai supaya semua transaksi terimaan dapat diperakaunkan dengan segera.



5. Arahan operasi ini berkuatkuasa serta merta. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai kami, **Puan Arfaherny Binti Aris/ Puan Nur Farhana Binti Kamaludin** di talian **06-2307801/7388** sekiranya memerlukan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II”**  
**“BERKAT,TEPAT,CEPAT”**

Saya yang menurut perintah,



**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri  
Melaka

s.k:

Y.B Pegawai Kewangan Negeri

Pengarah Audit Negeri

*Akaun Terimaan/Arfaherny*